

22 APR 1996

Ribut - Pesawat

EMPAT PESAWAT RINGAN ROSAK DIPUKUL RIBUT

ALOR SETAR, 22 April (Bernama) -- Empat buah pesawat ringan Kelab Penerbangan Kedah di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini rosak akibat dipukul ribut malam tadi.

Pesawat-pesawat terbabit ialah Cessna 172N, Cessna 172Q, Quicksilver GT500 dan Kit Plane Aviatika MAI 960U buatan Russia, yang digunakan oleh kelab itu untuk latihan penerbangan.

Pesawat Cessna 172N adalah milik Mofaz Air yang dipajak oleh Kelab Penerbangan Kedah manakala pesawat Aviatika MAI 960U adalah hadiah kerajaan Russia kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Penolong Setiausaha kelab itu, Kapten Haruddin Othman, pesawat Cessna 172N terbalik dipukul angin kencang manakala pesawat Quicksilver pula diterbangkan melepasi pagar lapangan terbang dan jatuh berkecai dalam sawah kira-kira 300 meter dari hangar itu.

Pesawat Cessna 172Q dan Aviatika yang berada di dalam hangar untuk dibaiki dan kerja penyelenggaraan mengalami kerosakan pada bahagian sayap dan ekor setelah dihempap pintu bangunan dalam kejadian pada pukul 9.30 malam itu.

"Angin kencang bertiup selama hampir 15 minit dan menurut Balai Kaji Cuaca di lapangan terbang ini, kelajuan maksimum angin malam tadi adalah kira-kira 60 knot," kata Haruddin, yang juga jurulatih penerbangan kelab itu.

Katanya, kedua-dua pesawat yang diletakkan di luar hangar telah diikat pada pemberat tetapi angin yang kencang menyebabkan tali pengikat putus.

Beliau menganggarkan kerugian akibat kerosakan pada keempat-empat pesawat itu sekitar RM200,000 termasuk RM100,000 bagi nilai pesawat Quicksilver yang musnah dalam kejadian tersebut.

Katanya, kelab itu sedang membuat persiapan menggunakan pesawat-pesawat itu untuk menyertai Karnival Udara Melaka awal bulan depan.

Yang turut rosak dalam kejadian ribut itu ialah pejabat kelab berkenaan dan enam buah kereta milik petugas Balai Bomba Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim yang dihempap bumbung tempat letak kereta yang roboh.

Kejadian ribut yang diikuti hujang lebat itu turut merosakkan 30 buah rumah di daerah Kota Setar dan Kubang Pasu.

Jurucakap Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri berkata, kampung-kampung terbabit ialah Kampung Terung Asam, Padang Wat, Mukim Titi Gajah, Taman Mas Merah, Kampung Alor Perang, Kampung Seberang Alor, Kampung Bohor, mukim Bukit Pinang dan Jalan Hutan Kampung.

Kebanyakan rumah-rumah berkenaan rosak di bahagian dinding dan bumbung akibat ditiup angin.

Tiada kecederaan dilaporkan dan jumlah kerugian sedang disiasat, katanya.

Tinjauan di sekitar tempat kejadian mendapati beberapa batang pokok besar tumbang akibat angin kencang.-- Bernama.

BD MFJ OBA.